



Surat daripada Pengerusi

Tan Sri Saw Huat Lye

surat daripada pengerusi

Bersedia Untuk Mengharungi Cabaran Getir

Pemegang Saham yang dihargai,

Meskipun tahun kewangan yang baru berakhir membawa tekanan dan banyak cabaran kepada industri dan GAB, saya berbangga menyatakan bahawa kami bukan sahaja tidak tersungkur, malah kami berjaya mengharungi segala cabaran getir ini dengan sokongan berterusan daripada pelanggan setia kami, pemegang kepentingan, kakitangan kami dan paling penting sekali, anda semua sebagai Pemegang Saham yang sangat kami hargai.

Beberapa bulan selepas memasuki tahun kewangan 2004, pasaran arak malt telah dikejutkan oleh kenaikan cukai eksais paling tinggi dalam sejarah, yang diumumkan oleh Kerajaan dalam Bajet 2005. Kenaikan 26.7 peratus cukai eksais bagaikan membawa awan hitam yang menyelubungi industri dan Syarikat anda. Biar pun bahana sepenuhnya hanya akan dirasai berbulan-bulan kemudian, kesan buruk yang bakal dirasai amat jelas.

Cukai eksais yang terlalu tinggi pasti memberi pukulan kuat kepada pasaran arak malt, mengakibatkan jualan jatuh enam peratus. Kejatuhan ini amat perit dirasakan kerana industri bekerja keras untuk cuba mengekalkan pertumbuhan purata dua peratus sejak beberapa tahun yang lalu.

Bagaimanapun, GAB meneruskan usaha agresifnya untuk meningkatkan keberkesanan organisasi dan kecekapan operasi. Kami juga telah memperhebat aktiviti pemasaran dan promosi untuk menarik pengguna baru dan melancarkan beberapa inisiatif jenama yang inovatif untuk membolehkan GAB menguasai

bahagian pasaran yang lebih besar dalam segmen bir dan stout. Tiger, Heineken dan Guinness kekal sebagai jenama yang membawa sinar.

Kepelbagaian portfolio jenama, kegigihan pasukan pengurusan dan kebijaksanaan Lembaga Pengarah menerajui kepimpinan telah membolehkan GAB menjadi lebih kuat dan lebih menguntungkan daripada tahun sebelumnya. Perolehan sebanyak RM952.11 juta bagi tahun kewangan 2004 memperlihatkan kenaikan 7.4 peratus berbanding tahun kewangan sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai juga meningkat 8.7 peratus kepada RM140.52 juta berbanding RM129.25 juta pada tahun kewangan 2004.

Dengan keputusan akhir tahun yang memberangsangkan ini, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mencadangkan dividen akhir 29 sen kasar bagi setiap unit saham 50 sen tolak 28 peratus cukai pendapatan Malaysia. Ini akan menjadikan dividen bagi tahun kewangan dalam tinjauan 41 sen kasar bagi setiap unit saham 50 sen berbanding 38 sen bagi setiap unit saham 50 sen pada tahun sebelumnya.

Langkah-langkah agresif untuk meningkatkan keberkesanan organisasi, memperbaiki kecekapan operasi dan menggiatkan usaha pemasaran ternyata telah membolehkan GAB mengharungi cabaran-cabaran dengan kedudukan yang kukuh. Pelaburan yang dibuat untuk membina portfolio jenama kini sudah mula

surat daripada pengerusi



Aktiviti untuk menguatkan semangat ViVA dan setiakawan



Pengiktirafan dan penghargaan untuk kakitangan lama

surat daripada pengerusi

membuahkan hasil dan membolehkan kami mengatasi cabaran pasaran.

Sebagai Syarikat yang terkenal kerana kejayaannya mencipta dan memberi nilai kepada pemegang saham, GAB memenangi tempat keempat Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG 2004, yang meletakkannya sebaris dengan syarikat-syarikat tersenarai yang memberikan nilai paling tinggi kepada pemegang saham dan ditarafkan antara tiga pemenang utama dalam segmen pasaran pengguna. Pemilihan pemenang anugerah berprestij ini dibuat berasaskan tinjauan kaji selidik yang menarafkan 100 syarikat tersenarai yang teratas di Malaysia menurut nilai yang dibawakan kepada pemegang saham. Ini adalah tahun ketiga berturut-turut Syarikat kita tersenarai antara tiga teratas dalam segmen pasaran pengguna dan empat teratas dari segi kedudukan keseluruhan. Pencapaian ini sungguh menakjubkan.

Namun demikian, ini tidak bermakna kita boleh berpeluk tubuh, kerana banyak lagi cabaran baru yang akan datang, seperti penguatkuasaan dakwat keselamatan yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini, yang mungkin menggugat industri dan GAB. Justeru, kami perlu terus berusaha untuk memperbaiki segala yang kami lakukan. Masih terdapat banyak ruang untuk kami memperbaiki pencapaian dan masih terdapat banyak perkara yang boleh kami usahakan dan perbaiki, khususnya dari segi automasi, operasi dan sistem.

Tahun kewangan semasa dijangka sangat mencabar kerana kesan kenaikan cukai eksais paling tinggi tahun lalu masih belum dirasai sepenuhnya. Kami menjangka kemurungan pasaran MLM akan berterusan dan sebarang kenaikan cukai eksais selanjutnya akan memberi kesan teruk ke atas industri bir dan stout tempatan.

Persaingan sengit dalam industri dan keadaan pasaran yang mencabar dijangka akan menggugat masa depan. Namun demikian, kami akan terus berusaha mencapai wawasan untuk menjadi pemimpin pasaran yang tidak boleh dipertikaikan dalam pasaran bir dan stout Malaysia, khususnya dari segi reputasi, keuntungan, jumlah jualan dan bahagian pasaran.

Syarikat anda telah menunaikan janjinya, bukan sahaja untuk mengekalkan prestasi kewangan dan operasi, bahkan untuk memperbaikinya lagi pada tahun yang berakhir pada bulan Jun 2005. Pencapaian ini memang sungguh mengagumkan dan tidak mungkin dapat dicapai tanpa komitmen daripada semua pihak. Bagi pihak Lembaga Pengarah anda, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga GAB dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengguna, pengedar dan juga pemegang saham kerana memberikan sokongan yang berterusan.

Semoga tahun ini lebih baik lagi.



Tan Sri Saw Huat Lye
Pengerusi
20 September 2005



主席的話

丹斯里苏发荣

主席的話

釀酒業面對艱鉅挑戰

親愛的尊貴股東們，

正如我在剛過去的財政年裡所說，明顯的釀酒業和健力士英格有限公司在過去面對了重大的壓力及各種挑戰。但我要驕傲的說，我們非但沒有因為壓力的加劇而萎縮，反而成功的釀製出一個用以克服這些艱鉅挑戰的方案。無疑的，在我們的忠實顧客、投資者、員工以及最重要的是，在您們這些尊貴的股東的繼續支持之下，我們已再次地克服了萬難。

在還有幾個月即進入我們的2004財政年，由於政府在2005年度財政預算案中宣佈實施有史以來最大增幅的國產稅，以至麥芽酒類市場蒙受重大的打擊。高達26.7巴仙的增幅就像籠罩在業界及本公司上空的一片烏雲。即使在幾個月後才能感受到它引起的最大沖擊，但其破壞力之強已昭然若揭。

徵收特高的國產稅，最終使到有付稅的麥芽酒類市場受到重大的打擊，以至銷售量下跌了6巴仙之多。由於業界在過去兩年一直全力以赴去保持原有的水平，並預期最多只取得2巴仙的增長量，因此這個跌幅可說是嚴重的。

不過，健力士英格有限公司繼續大刀闊斧的去取得更佳的機構效能及營運效率。我們也加強以新顧客為導向的市場與促銷活動，並推展了各項創新的品牌計劃，使到公司能夠在白啤與黑啤市場取得更大的佔有額。其中，健力士黑啤、虎標和海尼根白啤的市場表現仍然標青。

這加上我們的多元化品牌組合和富有經驗的管理隊伍及董事部的鼎力合作之下，健力士英格有限公司的業績和盈利比前期更佳。總營業額高達9億5千211萬令吉，比上個財政年增加 7.4巴仙。稅前盈利也增加了8.7巴仙至億4千52萬令吉，比2004年前期的1億2千925萬令吉還高。

鑒於標青的年終業績，董事部欣然宣佈獻議每50仙的股分派29仙的總終期股息，扣除28巴仙的馬來西亞所得稅，這將使到今年度的股息，達到每股50仙分派41仙的總股息予其股東，高於上個財政年的38仙。

主席的話



讓我們一起來為締創記錄的盈利乾杯！



在2005年度荷蘭啤酒節的海尼根啤酒園窗櫺。

主席的話

透過進一步改善機構效能及營運效率以及加強市場努力，使到健力士英格有限公司能夠以雄厚的實力去面對挑戰。用以建立一個具實效的品牌組合的投資，如今帶來了回酬，因為我們成功的克服了不利的市場狀況和外來挑戰。

健力士英格有限公司素以塑創及為股東帶來價值見稱。這方面，本公司最近在2004年度KPMG股東價值獎中榮踞第四位的掛牌公司，也成為消費市場組的前三位。這項令人靚靚的獎項是從塑創股東價值的基準上，對大馬100家掛牌公司所作的調查。我們已是一連三年榮獲消費市場獎和第四佳掛牌公司獎，這是一個了不起的成就。

在瞭解到這也許是更多挑戰的先序，例如政府最近宣佈實施的保安印墨措施，可能會對健力士英格及整體啤酒行業帶來負面影響，因此我們不能因為獲獎而懈怠。重要的是我們努力去繼續改善，因為還有許多改善的餘地，例如在自動化、運作和系統方面。

目前的財政年預料會因為國產稅的偏高而繼續充滿挑戰。我們預期麥芽酒類市場會繼續下跌，因為繼續升高的國產稅將會損及這個工業。

在競爭加劇的市場和充滿挑戰的情況之下，前景將日益艱難。不過，我們將繼續朝向實現在信譽、盈利、銷量和佔有額方面成為不容爭議的大馬白啤與黑啤市場領先者的宏願。

本公司已經實現了要在截至2005年6月的財政年內取得更佳營運與業績的承諾。如非各方的鼎力合作，是無法取得這個驕人表現的。我謹代表董事部感謝健力士英格有限公司的所有成員，同時要向消費者、經銷商和股東們繼續給予支持致予由衷的謝意。

讓我們為更美好的一年乾杯！



丹斯里苏发來
主席

2005年9月20日